

>> *Taman Sinar Harapan Jitra
bakal dinamakan Taman Sinar
Harapan Ridzuan Puzi*

NAMAMU ABADI

■ Empat institusi kebajikan tukar nama sempena pemenang pingat di Sukan Paralimpik Rio 2016

Harapan Ridzuan Puzi

28/9/16

mls 10 - 11

KEDAH



Kuala Lumpur

Bagi menghargai jasa pemenang pingat Sukan Paralimpik Rio 2016 baru-baru ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menamakan empat institusi kebajikan di Kedah, Selangor, Perlis dan Johor atas nama pemenang berkenaan.

Pengumuman itu dilakukan sendiri Menteri Datuk Seri Rohani Karim ketika berucap pada majlis perasmian Kongres Sedunia Pemulihan Dalam Komuniti (CBRWC) Kedua di ibu negara, semalam.

Menurut Rohani, Taman Sinar Harapan Jitra, Kedah kini dinamakan Taman Sinar Harapan Ridzuan Puzi sementara Taman Sinar Harapan di Cheras, Selangor akan dikenali sebagai Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli.

“Manakala di Perlis, Rumah Kanak-kanak Mini di Arau akan dinamakan Rumah Kanak-kanak Latif Romly manakala Rumah Kanak-kanak Mini di Johor bakal dikenali sebagai Rumah Kanak-kanak Mini Siti Noor Radiah Ismail.

“Kementerian juga memberi pengiktirafan anugerah penghargaan khas kepada empat wira negara ini.

“Penghargaan berkenaan adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan empat wira berkenaan dalam memastikan lagu kebangsaan, Negaraku berkumandang di Sukan Paralimpik Rio baru-baru ini,” katanya.

Hadir sama pada majlis berkenaan, dua pemenang pingat emas Mohamad Redzuan Mohammad Puzi, Muhammad Ziyad Zolkefli serta pemenang pingat gangsa Siti Noor Radiah Ismail.


Rohani berkata, kemenangan empat atlet paralimpik itu jelas membuktikan bahawa kekurangan diri tidak menjadi penghalang untuk mereka meraih kejayaan dalam bidang sukan.

Kata beliau, kejayaan empat atlet itu juga menunjukkan polisi kementerian dalam mengintegrasikan orang kurang upaya sebagai sumber produktif ke dalam masyarakat dapat memberi sumbangan penting kepada kesejahteraan negara.

“Begitupun, untuk memastikan polisi itu berjaya, memerlukan kerjasama serta pem-

babitan dari pihak kerajaan, korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Ini kerana golongan kurang upaya perlukan pemahaman dan sokongan penuh daripada masyarakat bagi membantu mereka merealisasikan impian menjadi realiti,” katanya.



RUMAH Kanak-kanak Mini di Arau akan dinamakan Rumah Kanak-kanak Latif Romly



UNIT RUJUKAN
DITERIMA
28 SEP 2016
U.R.D
M.B.P.J.

ARIAN METRO

SELANGOR



TAMAN Sinar Harapan
di Cheras, Selangor
akan dikenali sebagai Taman
Sinar Harapan Ziyad
Zolkefli

28-09-2016

setempat

11



**Kecacatan bukan
penghalang kejayaan**

“

Syukur Alhamdulillah dengan penghargaan yang diberikan ini. Diharapkan, kejayaan yang kami raih pada Sukan Paralimpik Rio lalu dapat mencetus semangat kepada rakan lain untuk meraih kecemerlangan dalam apa juga bidang yang diceburi. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kerajaan khususnya kementerian dan Datuk Seri Rohani sendiri atas pengiktirafan ini. Saya berasa sungguh terharu dan berjanji berusaha memberikan yang terbaik dalam pertandingan akan datang untuk terus mengharumkan nama negara.”

Muhammad Ziyad Zolkefli



Johor Bahru: Usaha meletakkan nama empat atlet yang mencatatkan kejayaan di Sukan Paralimpik 2016 di Rio de Janeiro pada empat rumah kebajikan Taman Sinar Harapan dianggap sebagai pengiktirafan kerajaan kepada golongan terbabit.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor Bahru Manayi Ibrahim berkata, usaha berkenaan mendatangkan pandangan positif ramai terhadap institusi terbabit kerana menggambarkan bahawa kecacatan tidak menjadi penghalang untuk berjaya.

Katanya, dengan mengambil kira kecekalan hati dan jiwa golongan terbabit, perletakan nama atlet paralimpik dapat mengatasi rasa rendah diri dalam kalangan orang kurang upaya (OKU).

“Usaha kerajaan itu disambut baik oleh pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha mengangkat status OKU dan tidak

lagi dipandang remeh dan sebagai golongan lemah daripada segi fizikal dan mental.

“Ia juga mampu menghapuskan tanggapan buruk ramai yang menyangka OKU tidak mampu meraih kejayaan dan kecemerlangan terutama dalam bidang sukan,” katanya.

Menurutnya, nama baru institusi berkenaan pasti menjadi inspirasi kepada penghuni yang ditempatkan di situ selain ibu bapa yang memiliki anak OKU.

“Di Johor Bahru, kami memiliki dua institusi Sinar Harapan termasuk di Larkin dan Kempas,” katanya.

Sementara itu, seorang OKU, Subhi Saad, 55, berkata, status sebagai OKU tidak seharusnya menjadi penghalang kepada golongan sepertinya untuk menempa nama dalam sejarah negara termasuk dalam bidang sukan.

“Bukan mudah untuk bergelar atlet paralimpik dan kejayaan mereka ini menjadi sesuatu yang membanggakan golongan kami,” katanya, semalam.

JOHOR



RUMAH Kanak-kanak Mini di Johor bakal dikenali sebagai Rumah Kanak-kanak Mini Siti Noor Radiah Ismail



“Saya sangat terharu dengan pengiktirafan ini.”

Mohamad Ridzuan Puzi

“

Saya sangat terkejut kerana tidak menyangka menerima keistimewaan ini. Diharap ia dapat menjadi sumber inspirasi kepada adik-adik yang berada di Rumah Kanak-Kanak Mini di Johor untuk cemerlang dalam bidang diceburi. Terima kasih kepada pihak yang begitu prihatin dan mengingati kami.”

Siti Noor Radiah Ismail



“

Ini antara hadiah teristimewa dan terbesar yang saya terima setakat ini. Saya terkejut dengan pengiktirafan ini sebaik dimaklumkan oleh rakan melalui WhatsApp. Lebih mengharukan, atlet olimpik lain tidak mendapat pengiktirafan sama seperti kami, terima kasih kepada semua pihak yang memberikan anugerah ini. InsyaAllah saya akan kerap mengunjungi Rumah Kanak-Kanak Abdul Latif Romly.”

Abdul Latif Romly

